

SULIT
Bahasa
Melayu
Kertas 2
November
2023
2 $\frac{1}{2}$ jam

1103/2



MAKTAB RENDAH SAINS MARA

PEPERIKSAAN AKHIR SIJIL PENDIDIKAN MRSM 2023

BAHASA MELAYU

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi tiga bahagian: Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang jawapan tidak cukup, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi 11 halaman bercetak.

Bahagian A: Sistem dan Aplikasi Bahasa
[35 markah]

- 1 *Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan senaraikan empat kata ganda. Kemudian bina satu ayat anda sendiri daripada setiap kata ganda tersebut untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menukarkan atau menambahkan imbuhan dan menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

Makanan merupakan keperluan utama manusia bagi melakukan berbagai-bagai aktiviti untuk meneruskan kehidupan. Makanan juga dapat menggambarkan budaya dan identiti masyarakat setempat. Kepelbagaian kaum dan latar budaya yang berbeza-beza menyerlahkan keunikan makanan warisan di negara kita. Makanan warisan seperti kuih-muih bukan sahaja disukai kerana rasa dan tekstur, malahan aromanya juga membangkitkan selera. Dalam hal ini, resipi dan penyediaan makanan warisan merangkumi makanan berat, pencuci mulut dan lauk-pauk. Biasanya makanan ini diwariskan secara turun-temurun daripada satu generasi kepada satu generasi yang lain.

Dipetik dan diubah suai daripada

'Makanan Warisan'

Portal Rasmi Jabatan Warisan Negara, 2021

[8 markah]

- 2 *Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian cerakinkan ayat majmuk yang bergaris kepada ayat tunggal.*

Pertanian bandar mampu menjadi terapi kepada pekebun atau pengusaha. Mereka akan berasa tenang apabila melihat tanaman tumbuh subur di halaman rumah sendiri. Pertanian bandar dapat memupuk semangat kejiranan jika mereka mengusahakan tanaman dengan kaedah serupa. Tambahan lagi, mereka boleh bertukar-tukar hasil tanaman dengan jiran selain mampu menjadi sumber pendapatan sampingan. Pertanian bandar membawa manfaat bukan sahaja kepada diri sendiri malahan kepada masyarakat.

Dipetik dan diubah suai daripada

'Pertanian Bandar dan Matlamat Serampang Dua Mata'

Dewan Masyarakat, Bil. 02, 2021

[6 markah]

- 3 *Bahan-bahan di bawah mengandungi pelbagai kesalahan bahasa. Kenal pasti, senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Anda perlu menulis kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembetulannya. Anda tidak perlu menyalin bahan-bahan tersebut.*

Bahan 1


KENALI NYAMUK AEDES MEMBAWA DENGGI

Aedes boleh mengenali melalui belang hitam putih di badan dan di kakinya.

Aedes selalu mengigit mangsanya pada awal pagi dan lewat senja.

Aedes membiak di dalam air jernih yang berladung di dalam dan di luar rumah.

Kitaran hidup nyamuk Aedes daripada telur, jentik-jentik, kepong hingga nyamuk dewasa mengambil masa hanya 7 hari.



Hapuskan Aedes demi untuk kesejahteraan bersama.

[5 markah]

Bahan 2

Ekopelancongan mempunyai element yang memfokuskan pelancongan berasaskan sejarah, alam semulajadi sesuatu kawasan dan budaya aslinya. Mewujudkan ekopelancongan ini membolehkan usaha pengekalan dan berkongsi tentang budaya warisan tempatan untuk jangka masa panjang kepada pelancong. Hal ini dapat menggalakkan komuniti setempat menyayangi sumber asli. Pada masa kini, bidang ini semakin mendapat tempat dan mampu menjana ekonomi negara. Oleh itu, konsep pelancongan ini memerlukan usaha yang berterusan dari semua pihak.

Dipetik dan diubah suai daripada
 'Ekopelancongan'
 oleh Nor Hizami Hassin
Majalah Sains, Mac 2019
 [6 markah]

[Lihat halaman sebelah
 SULIT

- 4 *Baca petikan bahasa Melayu klasik di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam bahasa Melayu standard tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.*

Pada hati baginda, “Adapun Tun Perak ini tidaklah patut jadi bentara lagi, patut menjadi Perdana Menteri.” Maka digelar baginda Paduka Raja, disuruh duduk di seri balai setara Seri Nara Diraja. Maka Paduka Raja pun naiklah duduk dekat Seri Nara Diraja di seri balai, maka Seri Nara Diraja berkisar ke tengah.

Dipetik daripada ‘Burung Terbang Dipipiskan Lada’
dalam antologi *Sejadah Rindu*,
Kementerian Pendidikan Malaysia
[4 markah]

- 5 *Baca petikan di bawah dengan teliti kemudian senaraikan tiga peribahasa yang sesuai dengan situasi dalam petikan tersebut.*

Pada era milenium ini, sektor perindustrian di Malaysia semakin pesat membangun. Keadaan ini telah menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan merancakkan aktiviti perniagaan terutama di bandar-bandar. Kemajuan sektor perindustrian dan pelaburan telah menjadikan Malaysia setanding dengan negara-negara maju seperti Jepun, Korea Selatan dan Jerman. Sebagai rakyat yang bertanggungjawab, kita seharusnya berganding bahu untuk memajukan sektor perindustrian negara.

[6 markah]

Bahagian B: Pemahaman
[35 markah]

- 6 *Baca Bahan 1 dan Bahan 2 yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Bahan 1

KUALA LUMPUR: Tenaga Nasional Berhad (TNB) telah menjalankan siasatan berhubung dengan kejadian renjatan elektrik yang menyebabkan tiga beradik maut di Kampung Bendang Surau, Kelantan. Pihak TNB mengucapkan takziah kepada keluarga mangsa. Orang ramai dinasihatkan supaya tidak *membuat andaian* tentang kejadian ini. TNB turut menasihati orang ramai supaya tidak menghampiri atau menyentuh pemasangan elektrik yang ditenggelami banjir. Hal ini demikian kerana dikhuatiri berlaku kebocoran arus elektrik. Jika keadaan ini berlaku, orang ramai hendaklah segera melaporkan kejadian tersebut kepada pihak pemegang lesen yang berdaftar bukannya bertindak membaiki sendiri. Selain itu, pihak TNB telah memutuskan bekalan elektrik buat sementara di kawasan yang ditenggelami air atas faktor keselamatan.

Dipetik dan diubah suai daripada
'TNB Siasat Kes 3 Beradik Maut Kena Renjatan Elektrik'
oleh Fahmy A. Rosli
BH Online, 19 Disember 2022

Bahan 2

PUTRAJAYA: Suruhanjaya Tenaga (ST) mengingatkan orang ramai supaya berhati-hati dan mengutamakan keselamatan berkaitan elektrik ketika bencana banjir bagi mengelakkan berlakunya renjatan elektrik. Orang ramai tidak boleh mengalih, membaiki tiang elektrik tumbang atau talian elektrik putus atau jatuh ke tanah. Tindakan ini boleh membahayakan diri sendiri dan orang lain kerana malang tidak berbau. Sebelum membersihkan peralatan elektrik, orang ramai perlu memastikan suis utama dimatikan. Hal ini demikian kerana orang ramai perlu memastikan tiada pengaliran arus elektrik di dalam rumah masing-masing. Sebagai peringatan, sebelum membuka suis utama, semua pendawaian rumah dan kelengkapan elektrik perlu diperiksa kontraktor elektrik yang berdaftar dengan ST. Oleh itu, ST mengharapkan orang ramai agar mematuhi nasihat yang dikeluarkan oleh mereka.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Utamakan Keselamatan Berkaitan Elektrik Semasa dan Selepas Banjir'
oleh Suruhanjaya Tenaga
BH Online, 22 Disember 2021

[Lihat halaman sebelah
SULIT

- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud rangkai kata *membuat andaian*. [2 markah]
- (ii) Dengan merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan langkah-langkah untuk mengelakkan orang ramai terkena renjatan elektrik ketika banjir. [3 markah]
- (iii) Kesedaran orang ramai terhadap keselamatan diri dan keluarga masih lagi rendah sehingga mereka kurang membuat persediaan ketika menghadapi banjir.
- Pada pendapat anda, apakah persediaan-persediaan keselamatan yang perlu dilakukan sebelum berlakunya banjir? [3 markah]
- (iv) Sekumpulan kanak-kanak kelihatan sedang leka bermain air di kawasan tempat tinggal anda ketika musim hujan.
- Sebagai remaja yang prihatin, apakah tindakan-tindakan yang boleh anda ambil untuk memastikan keselamatan kanak-kanak tersebut? [4 markah]

- 7 Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Pantun Empat Kerat (Berjimat Cermat)

Pergi ke belukar memasang pikat,
Pulanginya lewat di hujung petang;
Jikalau sentiasa berjimat cermat,
Rezeki secupak terasa segantang.

Indah nian pemandangan dunia,
Dari timur hingga selatan;
Sikap berjimat amalan mulia,
Orang boros sahabat syaitan.

Masak meranum buah ara,
Jatuh sebiji di atas papan;
Jika berjimat setiap perkara,
Pasti terjamin masa hadapan.

Sungguh pahit buah peria,
Dimakan juga dibuat sayuran;
Membesar belanja sikap sesia,
Hanya menambah beban kewangan.

Singgah berehat di Kota Lama,
Kuih dijamah air dihirup;
Berjimat cermat suruhan agama,
Jika diamal sejahteralah hidup.

Inderagiri pasirnya lumat,
Tempat berkelah putera raja;
Baik sedikit tetapi berjimat,
Daripada banyak membazir sahaja.

Turun ke ladang memetik kacang,
Hendak dibuat masak lemak;
Segala urusan jika terancang,
Sikap membazir pasti terelak.

Dipetik daripada
antologi *Kasut Kelopak Jantung*
Kementerian Pendidikan Malaysia

[Lihat halaman sebelah
SULIT

Bahan 2

Pemandu pelancong, Encik Yuksel, telah memberitahu kami beberapa panduan berbelanja di Istanbul. Pertama, jangan beli barangan daripada penjual di tepi jalan. Kedua, jangan berjalan sendirian. Ketiga, jangan beritahu negara asal sekiranya ditanya oleh para pekedai. Keempat, jangan naik ke tingkat atas kedai sekiranya dipelawa. Kelima, tawar harga setiap barangan yang ingin dibeli sehingga 70 peratus. Keenam, jangan gunakan kad kredit sebab terlalu berisiko ditipu.

Wah, banyaknya pantang larang! Aku mulai rasa tidak selamat. Apatah lagi setelah mendengar cerita Hajah Normah bahawa pemandu-pemandu bas berbangsa Turki di Mekah hanya boleh berunding jika diberikan duit. Menurut Hajah Normah lagi, jemaah haji Turki, baik lelaki mahupun perempuan, biasanya bersikap kasar. Mereka suka merempuh jemaah yang lain ketika melakukan tawaf.

Dipetik daripada cerpen 'Jaket Kulit Kijang dari Istanbul'
oleh Maskiah Haji Masrom
antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Berdasarkan **Bahan 2**, apakah cerita yang telah disampaikan oleh Hajah Normah? [2 markah]
- (ii) Berdasarkan **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan panduan-panduan yang perlu diikuti ketika berbelanja. [3 markah]
- (iii) Segelintir belia kurang ilmu berkaitan perbelanjaan berhemat menyebabkan mereka gagal menguruskan kewangan dengan baik.

Pada pendapat anda, mengapakah kita perlu berbelanja dengan berhemat? [4 markah]

- (iv) Anda telah mendapat tawaran melanjutkan pelajaran di sebuah universiti tempatan. Walau bagaimanapun, anda tidak mendapat tajaan daripada mana-mana penaja.

Nyatakan langkah-langkah yang akan anda ambil untuk mengatasi masalah kewangan. [4 markah]

8 Jawapan bagi soalan yang berikut hendaklah berdasarkan teks novel *Tingkatan 4* dan *Tingkatan 5*.

(i) Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

“Dengar nama sudah jatuh cinta,” bisik Waheeda. Lais senyum bangga. “Tapi apabila tauke bertukar tangan, mungkin kita akan memikirkan nama lain, mungkin lebih menarik kepada pelancong luar negara,” tukasnya bersahaja. Lais mengerutkan dahi. Ada maksud tersirat pada kata-kata itu, fikirnya.

Terasa darah korporat mengalir dengan deras di segenap urat nadi Waheeda semasa melangkah ke lokasi sehingga masuk ke kompleks bangunan Chalet Iwana-Iwani petang itu. Bangunan Chalet Iwana-Iwani nampak gah sekali di sini dan agak strategik juga nampaknya. ‘Patutlah bergelar Iwana. Bangunan ini, betul-betul bagaikan takhta di tanah tinggi Cameron Highlands. Komersial juga bunyinya,’ hati Waheeda berbicara.

“Hanya tujuh minit dengan kereta ke pusat bandar Cik Eda,” tiba-tiba Lais memberitahu yang seakan-akan dapat membaca fikiran Waheeda. Waheeda terperanjat lalu menoleh ke arah Lais yang berada di belakangnya.

Dipetik daripada novel *Tirani*
oleh Beb Sabariah
Kementerian Pendidikan Malaysia

Berdasarkan petikan di atas, nyatakan daya tarikan Chalet Iwana-Iwani yang menarik minat Waheeda. [4 markah]

(ii) Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (a) Leftenan Adnan Wira Bangsa, karya Abdul Latip Talib
- (b) Di Sebalik Dinara, karya Dayang Nor
- (c) Jendela Menghadap Jalan, karya Ruhaini Matdarin
- (d) Pantai Kasih, karya Azmah Nordin
- (e) Tirani, karya Beb Sabariah
- (f) Silir Daksina, karya Nizar Parman
- (g) Songket Berbenang Emas, karya Khairuddin Ayip
- (h) Bimasakti Menari, karya Sri Rahayu Mohd Yusop

Berdasarkan dua buah novel yang anda pelajari, huraikan satu peristiwa yang menunjukkan semangat kerjasama dalam masyarakat bagi setiap novel. [6 markah]

[Lihat halaman sebelah
SULIT

Bahagian C : Rumusan

[30 markah]

- 9 *Baca dan teliti setiap bahan yang diberikan, kemudian buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.*

Bahan 1

Animasi merupakan seni atau proses menyediakan gambar-gambar kartun yang kelihatan hidup ataupun realiti. Animasi di Malaysia bermula pada tahun 1946 seiring dengan penubuhan Malayan Film Unit (MFU) yang menghasilkan dokumentari dan montaj-montaj untuk filem produksi sahaja. Kini, usaha memajukan bidang animasi diteruskan oleh Multimedia Development Corporation (MDEC) sebagai pemangkin bagi melahirkan lebih ramai tenaga pakar dalam industri multimedia kreatif.

Industri animasi mencapai tahap matang apabila produk-produk animasi tempatan menembusi pasaran negara luar. Fungsi utama animasi adalah dari segi hiburan. Animasi membolehkan seseorang itu lebih kreatif memandangkan perinciannya mesra pengguna. Hal ini menjadikan penghasilan animasi lebih mudah kerana bergantung pada tahap kreativiti seseorang. Antara kelebihan bidang animasi mampu menyampaikan sesuatu konsep yang kompleks secara visual dan dinamik. Kini, Malaysia sudah membuktikan kepakaran rakyat tempatan dalam bidang animasi dengan penerbitan filem animasi berkualiti tinggi seperti Ejen Ali, Upin & Ipin dan Salahuddin The Animated Series. Buktinya, siri animasi Upin & Ipin dikatakan sebagai ikon kanak-kanak serantau serta pernah memenangi Anugerah Golden Wing bagi kategori Animasi Terbaik di China pada 2019.

Seterusnya, animasi dapat membantu dalam proses pemahaman penghasilan karya digital. Animasi juga mampu membolehkan penonton fokus tentang jalan cerita dan mesej yang ingin disampaikan. Namun begitu, ada yang mengatakan bahawa cabang animasi tidak berpotensi tinggi tetapi lebih tertumpu kepada siri animasi televisyen dan filem cereka animasi sahaja. Oleh itu, MDEC mempergiat promosi untuk menggalakkan lebih banyak penghasilan filem animasi bagi membolehkan sektor animasi negara menembusi pasaran global. Dalam Bajet 2022, kerajaan turut memperuntukkan RM30 juta kepada industri animasi melalui Skim Padanan Pinjaman Pelaburan (SPPP) yang dikendalikan oleh MyCreative Ventures. Jelaslah bahawa industri animasi tempatan berjaya membawa pembaharuan dalam industri perfileman negara dan berpotensi menjadi sumber ekonomi baharu.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Perkembangan Animasi dalam Teknologi'
oleh Pusat Kreatif Ekonomi dan Inovasi Sabah
Portal SCENIC, 20 April 2021

Bahan 2

Peluang perlu diberikan kepada generasi muda untuk berkarya.



Ya betul, Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) perlu memartabatkan industri kreatif di negara ini.

Bahan 3

“Stigma masyarakat yang menganggap animasi berkait rapat dengan hiburan semata-mata perlu dikikis kerana melibatkan profesion serius seperti seni bina, kejuruteraan dan penerbangan. Sebenarnya, industri animasi di Malaysia mempunyai potensi menjadikan ekonomi negara lebih dinamik. Perkembangan industri ini telah mendapat sokongan kerajaan. Saya yakin bahawa industri animasi berupaya mengetengahkan perlambangan budaya tempatan dan identiti kebangsaan ke peringkat global.” - Tan Sri Profesor Emeritus Dr. Lim Kok Wing.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Rebut Peluang Besar dalam Industri Kreatif'
Malaysia Gazette, 24 April 2021

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT